**14** Apakah sikap yang harus diambil oleh seseorang yang diminta menjadi penjamin?

Seseorang yang bakal menjadi penjamin hendaklah berhati-hati sebelum menjadi penjamin kerana beban kewangan yang terlibat adalah berat. Seseorang hendaklah mengelakkan diri daripada terikat sebagai penjamin kepada sesiapa sahaja yang meminta pertolongannya kecuali beliau sesungguhnya percaya dengan perwatakan dan kedudukan kewangan peminjam. Beliau hendaklah terus mendapatkan nasihat guaman bagi menentukan sama ada sesuatu dokumen itu merupakan tanggung rugi.

**15** Bolehkah penjamin mengeluarkan saman dan menuntut daripada peminjam atas jumlah yang dituntut daripadanya oleh bank?

Boleh. Penjamin boleh menuntut kembali wang yang telah dibayar kepada bank daripada peminjam, termasuk kos guaman yang terlibat.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:


IBU PEJABAT:
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA
NO. TELEFON: 03-88851000
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831
LAMAN WEB: www.jbg.gov.my
SMS: Taip JBG MENU dan hantar ke 15888


CATATAN:
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

JD001107–PNMB., K.L.

# HAK-HAK DAN TANGGUNGAN PENJAMIN

Diterbitkan oleh
JABATAN BANTUAN GUAMAN

## 1 Apakah yang dimaksudkan dengan jaminan?

Jaminan ialah janji yang dibuat oleh suatu pihak (yang dikenali sebagai penjamin) untuk membayar bagi pihak seorang yang lain (yang dikenali sebagai peminjam) sekiranya peminjam itu gagal atau enggan membayar balik pinjamannya kepada pihak yang memberi pinjaman (seperti bank, institusi kewangan, dll).

Contoh:

A membuat pinjaman daripada bank B. Bank B pula mengenakan syarat bahawa sekiranya A gagal membayar kembali hutang, A hendaklah mencari seorang yang sanggup menjelaskan hutang tersebut. Orang yang sanggup diikat dengan syarat inilah yang dipanggil penjamin.

## 2 Apakah bentuk jaminan?

Selain berjanji untuk membayar wang terus kepada bank/institusi kewangan atas kegagalan peminjam,seseorang juga boleh dianggap sebagai penjamin sekiranya beliau mencagarkan atau menyandarkan tanah atau rumahnya kepada bank/institusi kewangan untuk menjamin pinjaman yang tersebut di atas.

## 3 Adakah seseorang penjamin terikat dengan jaminan jika pihak bank mengubah syarat-syarat jaminan dengan peminjam tanpa kebenarannya atau pengetahuannya?

Seseorang penjamin tidak lagi terikat dengan syarat jaminan yang telah diubah tanpa persetujuan atau pengetahuannya.

## 4 Adakah penjamin masih terikat sebagai penjamin, jika bank melepaskan peminjam secara betul atau secara cuai?

Penjamin tidak lagi terikat dengan perjanjian jaminannya apabila pihak bank telah melepaskan tanggungan peminjam.

## 5 Apakah kedudukan sesuatu jaminan yang dibuat berdasarkan pernyataan yang salah atau fakta-fakta yang penting disembunyikan daripada pengetahuan penjamin?

Jaminan tersebut adalah tidak sah di sisi undang-undang.

## 6 Bilakah pihak yang memberi pinjaman boleh membuat tuntutan terhadap penjamin?

Pihak yang memberi pinjaman seperti bank boleh menuntut daripada penjamin setelah peminjam gagal atau mungkin membayar sebahagian daripada atau keseluruhan pinjaman tersebut.

## 7 Perlukah pihak yang memberi pinjaman memberikan notis tuntutan terlebih dahulu?

Dalam kebanyakan perjanjian jaminan ada peruntukan yang mensyaratkan bahawa pihak yang memberi pinjaman memberikan notis iaitu meminta secara bertulis supaya peminjam membayar jumlah yang terhutang. Kegagalan memberi notis sebelum saman dikeluarkan boleh menjejaskan kepentingan pihak yang memberi pinjaman dan merupakan suatu pembelaan untuk penjamin.

## 8 Adakah had tanggungan penjamin sama seperti peminjam?

Ya. Had tanggungan seorang penjamin adalah sama dengan peminjam, iaitu dari segi jumlah wang yang harus ditanggung oleh penjamin di bawah perjanjian pinjaman.

## 9 Perlukah pihak yang memberi pinjaman membuat tuntutan terhadap peminjam terlebih dahulu sebelum tuntutan dibuat terhadap penjamin?

Pihak bank boleh menuntut bayaran kepada penjamin tanpa terlebih dahulu menuntut atau mendapat bayaran daripada peminjam. Ini disebut tanggungan bersesama dan berasingan ("jointly and severally liable").

## 10 Jika perjanjian pinjaman yang asal telah menjadi tidak sah, bolehkah bank/institusi kewangan membuat tuntutan ke atas penjamin berdasarkan jaminannya?

Sekiranya perjanjian pinjaman antara bank dengan peminjam telah menjadi tidak sah, maka jaminan oleh penjamin juga akan menjadi tidak sah dan bank tidak boleh membuat tuntutan terhadap penjamin. Tanggungan jaminan adalah bergantung pada kesahan perjanjian pinjaman.

## 11 Apakah strategi bank/institusi kewangan dalam menghadapi masalah ini?

Bank/institusi kewangan menggunakan perjanjian tanggung rugi (*indemnity*) bagi mengatasi kesulitan dan kelemahan dalam perjanjian pinjaman. Tanggung rugi bermaksud bahawa tanggungan pihak penjamin adalah secara terus dan tidaklah bergantung pada kesahan perjanjian pinjaman lagi dan bank boleh menuntut terus daripada penjamin. Oleh itu, seseorang penjamin perlu meneliti syarat-syarat perjanjian sebelum dia bersetuju untuk menjadi penjamin.

## 12 Apakah peruntukan undang-undang dan pandangan mahkamah mengenai perbezaan antara jaminan dengan tanggung rugi ini?

Tanggung rugi telah diiktiraf oleh Mahkamah dan seorang penjamin harus mendapat nasihat guaman bagi menentukan sama ada sesuatu perjanjian yang ditandatanganinya merupakan jaminan atau tanggung rugi pinjaman.

## 13 Apakah sikap Mahkamah mengenai perkara ini?

Mahkamah akan menentukan sama ada sesuatu dokumen itu merupakan jaminan atau tanggung rugi dengan membuat tafsiran undang-undang berdasarkan bahasa yang digunakan dalam perjanjian.